

*The Greatest  
Gift of Life*

*Menderma Organ Adalah  
Pemberian Yang  
Paling Bermakna*



## The Greatest Gift of Life

In Singapore, there are many people suffering from organ failure. More than 600 people are currently waiting for an organ transplant. About 20% of these patients are Malays. The number of patients on the organ transplant waiting lists is increasing because of the shortage of organs for transplantation.

Organ donation helps to save lives and reduce suffering. About 15 patients die each year while waiting for a liver, and about 3 people die each year while waiting for a heart. Patients with kidney failure have to depend on dialysis while waiting for a kidney. They have to undergo 3 sessions of dialysis each week with each session lasting 3-4 hours.

The generosity of organ donors and their families allows patients with organ failure to have a new lease of life. The gift of life from just one organ donor can improve the lives of 6 or more people. You too have the ability to help these people through organ donation.

## Islam and Organ Donation

Islam encourages any acts of sacrifice that save the lives or relieve the sufferings of others. The Fatwa Committee of the Islamic Religious Council of Singapore (MUIS) has issued *fatwas* stating that donation and transplantation of the following organs are allowed under Islamic Law:

- Kidney
- Liver
- Heart
- Cornea

Many Islamic religious authorities in Muslim countries such as Egypt, Saudi Arabia and Malaysia have also issued similar *fatwas* allowing organ pledging and donation.

## Organ Donation in Singapore

There are 2 ways in which a person can help others through a gift of life.

- (1) Medical (Therapy, Education, and Research) Act (MTERA)
- (2) The Human Organ Transplant Act (HOTA)

## The Medical (Therapy, Education and Research) Act (MTERA)

Muslims can pledge to donate their kidneys, livers, hearts and corneas under the Medical (Therapy, Education and Research) Act (MTERA) for transplant purposes.

They can pledge their organs by completing the attached form and sending it to the Organ Donor Registry. Please note that

Muslim pledgers are required to obtain the signatures of two witnesses. Both witnesses must be male Muslim adults.

Muslims who pledge to donate their kidneys, livers, hearts and corneas under the Medical (Therapy, Education and Research) Act (MTERA) will receive the same priority for organ transplant as other Singapore Citizens and Permanent Residents who have not opted out from HOTA.

## The Human Organ Transplant Act (HOTA)

The Human Organ Transplant Act 1987 allows for the kidneys to be removed in the event of death due to accidents for the purpose of transplantation.

Only non-Muslim Singapore Citizens and Permanent Residents between the ages of 21 and 60 years are included under HOTA.

On 6 January 2004, the Human Organ Transplant (Amendment) Act was passed by Parliament to allow more Singaporeans to benefit from cadaveric organs. The amendments to HOTA were:

- To extend HOTA beyond kidney to also include liver, heart and cornea;
- To extend HOTA beyond deaths due to accidents to all causes of death; and
- To extend HOTA beyond cadaveric donation to also regulate living donor organ transplantation.

The revised HOTA took effect on 1 July 2004. It is estimated that about 60 - 80 additional patients with organ failure will benefit from the additional organs each year.

## Answers to common questions

### 1. Will the medical care of potential organ donors be affected?

The medical care of potential donors will not be compromised. Organ donation will not be considered until all efforts have been made to save the life of the patient, and only after death has been legally declared by two doctors. These two doctors are well-qualified and are not involved in the care of the patient. They are also not part of the medical team that will carry out the organ transplant.

### 2. Would organ transplant delay the burial of the organ donor?

The Fatwa Committee of the Islamic Religious Council of Singapore (MUIS) has clarified that organ transplant is an acceptable cause for delay in the burial of a Muslim deceased's body. Nonetheless, the hospital will ensure that any such delay is reduced to the minimum.

### **3. Will the donor's body be disfigured after organ donation?**

The donor's body will always be treated with the utmost respect by the transplant team. Any incisions that are made during the removal of organs will be carefully stitched up after the procedure. In the case of cornea donation, an artificial lens will be inserted after the cornea is removed.

### **4. Will my organs be used for any purposes other than to save lives?**

Organs pledged by Muslims will be used only for transplant purposes. They will not be used for purposes of research and education.

### **5. Is a person who is brain dead really "dead"?**

A person who is brain dead is truly and unequivocally dead. This is the scientific position of international medical communities. This definition has also been accepted by the Fatwa Committee of the Islamic Religious Council of Singapore (MUIS). A person who is brain dead will never wake up nor regain consciousness again.

Brain death refers to the total and irreversible cessation of all functions of the brain. A person who is brain dead will not be able to breathe on his own and will need to be supported on a ventilator. Once the ventilator is switched off, the person's heart will cease to beat, since his brain has already stopped functioning.

### **6. What are the benefits of donating one's organs?**

Allah greatly rewards those who save the lives or relieve the sufferings of others through their acts of sacrifice.

### **For more information:**

- Call the Ministry of Health (MOH) hotline at 1800-225-4122 or the Organ Donor Registry at 6321-4390 or visit the MOH website at [www.moh.gov.sg](http://www.moh.gov.sg) (for general enquiries on HOTA or organ donation)
- Call MUIS at 6256-8188 (for religious enquiries on organ donation)

## Menderma Organ Adalah Pemberian Yang Paling Bermakna

Di Singapura, ramai orang menderita kegagalan organ. Lebih 600 orang sedang menunggu untuk menerima organ derma. Kira-kira 20 peratus daripada pesakit ini adalah orang Melayu. Bilangan pesakit dalam senarai menunggu untuk mendapatkan organ derma semakin bertambah kerana kekurangan organ untuk dipindahkan kepada mereka.

Pendermaan organ dapat menyelamatkan nyawa and mengurangkan penderitaan. Kira-kira 15 pesakit meninggal dunia setiap tahun semasa menunggu pemindahan hati dan kira-kira 3 orang meninggal dunia setiap tahun semasa menunggu pemindahan jantung. Para pesakit buah pinggang terpaksa menjalani 3 sesi dialisis setiap minggu, dan setiap sesi dialisis mengambil masa 3 hingga 4 jam.

Kemurahan hati penderma organ dan keluarga mereka telah memberikan harapan baru kepada para pesakit yang menderita kegagalan organ. Organ-organ yang diderma oleh seseorang penderma dapat memperbaiki kehidupan enam pesakit atau lebih. Anda juga mempunyai keupayaan untuk membantu dengan menderma organ.

## Islam dan Pendermaan Organ

Islam mengalakkan umatnya untuk menyelamatkan nyawa dan meringankan penderitaan orang lain. Jawantankuasa Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah mengeluarkan fatwa-fatwa yang menyatakan bahawa pendermaan and pemindahan organ-organ berikut dibenarkan di bawah Undang-undang Islam:

- Buah Pinggang
- Hati
- Jantung
- Kornea

Banyak pihak berkuasa agama Islam di negara-negara Islam seperti Mesir, Arab Saudi dan Malaysia juga telah mengeluarkan fatwa-fatwa yang sama yang membenarkan orang-orang Islam mengikrar dan menderma organ-organ mereka.

## Menderma Organ di Singapura

Ada dua cara seseorang boleh membantu orang lain melalui pemberian ini.

- (1) Akta Perubatan (Terapi, Pendidikan, dan Penyelidikan) (MTERA)
- (2) Akta Pemindahan Organ Manusia (HOTA)

### Akta Perubatan (Terapi, Pendidikan, dan Penyelidikan) (MTERA)

Orang-orang Islam boleh mengikrarkan buah pinggang, hati, jantung atau kornea mereka di bawah Akta Perubatan (Terapi, Pendidikan dan Penyelidikan) atau MTERA untuk tujuan pemindahan.

Mereka boleh mengikrarkan organ-organ mereka dengan mengisi borang yang dilampirkan dan menghantarnya kepada Pejabat Pendaftaran Penderma Organ. Sila maklum bahawa pengikrar-pengikrar Islam dikehendaki untuk mendapatkan tandatangan dua orang saksi. Kedua-dua saksi mestilah orang lelaki dewasa yang beragama Islam.

Orang-orang Islam yang mengikrarkan buah pinggang, hati, jantung dan kornea mereka di bawah Akta Perubatan (Terapi, Pendidikan dan Penyelidikan) atau MTERA akan menerima keutamaan yang sama bagi pemindahan organ seperti Warga Singapura dan Penduduk Tetap yang lain yang tidak memilih untuk dikecualikan daripada HOTA.

### Akta Pemindahan Organ Manusia (HOTA)

Akta Pemindahan Organ Manusia 1987 membenarkan buah pinggang dikeluarkan daripada orang yang sudah meninggal dunia akibat kemalangan untuk dipindahkan kepada orang lain.

Hanya Warga Singapura dan Penduduk Tetap bukan Islam yang berusia antara 21 dan 60 tahun sahaja disertakan dalam HOTA.

Pada 6 Januari 2004, Akta Pemindahan Organ Manusia (Pindaan) telah diluluskan oleh Parlimen untuk membolehkan lebih ramai warga Singapura mendapat faedah daripada organ-organ orang yang sudah meninggal dunia. Pindaan-pindaan ke atas HOTA adalah:

- Meluaskan HOTA untuk meliputi bukan sahaja buah pinggang tetapi juga hati, jantung dan kornea;
- Meluaskan HOTA untuk meliputi bukan sahaja kematian akibat kemalangan tetapi juga daripada semua punca kematian; dan
- Meluaskan HOTA untuk meliputi bukan sahaja pendermaan organ-organ orang yang sudah meninggal dunia tetapi juga menyediakan peraturan untuk mengawal pemindahan organ daripada penderma yang masih hidup.

HOTA yang telah disemak berkuatkuasa pada 1 Julai 2004. Ini akan membolehkan 60-80 pesakit yang menderita kegagalan organ mendapat manfaat daripada bilangan organ yang bertambah setiap tahun.

## Jawapan kepada soalan-soalan yang sering ditanya

### 1. Adakah penjagaan perubatan ke atas orang-orang yang berpotensi menjadi penderma organ akan terjejas?

Penjagaan perubatan ke atas orang-orang yang berpotensi menjadi penderma organ tidak akan terjejas. Pendermaan organ tidak akan dipertimbangkan sehingga segala usaha telah dilakukan untuk menyelamatkan nyawa pesakit, dan hanya selepas pesakit diisytiharkan telah meninggal dunia oleh dua orang doktor. Kedua-dua doktor ini adalah pakar yang berkelayakan dan tidak terlibat dalam penjagaan pesakit itu. Mereka juga bukan sebahagian daripada pasukan perubatan yang akan menjalankan pemindahan organ.

### 2. Adakah pemindahan organ akan melambatkan pengebumian jenazah penderma organ?

Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah menjelaskan bahawa pemindahan organ adalah antara sebab yang boleh diterima sekiranya ia melambatkan urusan pengebumian jenazah penderma organ Islam. Namun demikian, pihak hospital akan memastikan bahawa kelambatan itu dikurangkan seberapa yang boleh.

### 3. Adakah tubuh penderma organ akan menjadi cacat setelah pemindahan organ dilakukan?

Tubuh penderma organ akan sentiasa dilayan dengan penuh hormat oleh pasukan pemindahan organ. Sebarang pembelahan yang dibuat semasa memindahkan organ akan

dijahit semula dengan teliti selepas itu. Dalam hal pemindahan kornea, kanta tiruan akan dipasang setelah kornea dipindahkan.

#### **4. Adakah organ saya akan digunakan untuk tujuan selain daripada untuk menyelamatkan nyawa?**

Organ yang diikrarkan oleh orang Islam akan digunakan hanya untuk tujuan pemindahan. Organ-organ ini tidak akan digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan.

#### **5. Adakah seseorang yang otaknya telah berhenti berfungsi (mati otak) itu benar-benar sudah meninggal dunia?**

Seorang yang mati otak adalah seorang yang telah benar-benar meninggal dunia. Ini adalah pendirian saintifik masyarakat perubatan antarabangsa. Taarif kematian ini juga telah diterima oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Seseorang yang mati otak tidak akan bangun atau sedar semula lagi.

Mati otak adalah keadaan di mana segala fungsi otak telah berhenti dan tidak boleh dikembalikan semula. Seseorang yang mati otak tidak akan dapat bernafas seperti biasa dan memerlukan bantuan alat pernafasan. Sebaik sahaja alat ini dimatikan, jantung si pesakit akan berhenti berdegup, oleh kerana otaknya telahpun berhenti berfungsi.

#### **6. Apakah faedah menderma organ?**

Allah menjanjikan ganjaran yang besar kepada sesiapa yang menyelamatkan nyawa atau meringankan penderitaan orang lain.

### **Untuk maklumat lanjut:**

- Hubungi talian Kementerian Kesihatan (MOH) di nombor 1800-225-4122 atau Pendaftaran Penderma Organ di nombor 6321-4390 or lungsuri laman MOH di [www.moh.gov.sg](http://www.moh.gov.sg) (bagi persoalan am mengenai HOTA atau pendermaan organ)
- Hubungi MUIS di nombor 6256-8188 (bagi kemusykilan agama mengenai pendermaan organ)